



Jika menyewa rumah pula, kadar sewa boleh meningkat dari tahun ke tahun. Akan tetapi jika anda membeli rumah sendiri, baki pinjaman pokok berkurangan setiap kali bayaran ansuran dibuat. Tambahan pula, apabila pasaran hartanah meningkat, harga rumah anda turut meningkat, lebih-lebih lagi jika ia terletak di lokasi yang strategik.

Walaupun membeli sebuah rumah merupakan suatu perkara yang penting, bukan semua orang mampu melakukannya. Berikut adalah beberapa komitmen yang perlu diketahui tentang pembelian rumah:

- Memiliki rumah memerlukan banyak masa anda untuk menyelenggarakan dan membaik pulihkannya
- Membaiki rumah walaupun secara kecilan boleh menambahkan kos perbelanjaan anda. Sebaliknya jika anda menyewa, perbelanjaan ini biasanya ditanggung oleh tuan rumah
- Anda juga 'terikat' dengan rumah anda kerana tidak seperti penyewa, anda tidak bebas berpindah ke mana-mana dan bila-bila masa
- Jika berasa tidak sesuai dengan kejiranan yang ada, anda akan 'terperangkap' dengan situasi itu sehinggalah harga rumah anda meningkat sebelum boleh menjualnya
- Banyak kemungkinan yang boleh menyebabkan harga rumah jatuh. Contohnya rumah anda mungkin terletak di kawasan sering dilanda banjir atau jalan utama yang menuju ke arah kawasan perumahan anda sesak kerana adanya projek pembangunan baharu

